

**Ambiga perlu bertanggungjawab – NGO  
Utusan Online  
04 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 3 Mei - Kerajaan tidak boleh membiarkan penganjur perhimpunan haram Bersih 3.0 terlepas begitu sahaja tanpa sebarang hukuman yang setimpal dengan tindakan mereka yang merosakkan imej negara.

Presiden Ikatan Muslimin Malaysia (Isma), Abdullah Zaik Abdul Rahman berkata, Pengerusi Bersih, Datuk S. Ambiga perlu bertanggungjawab dengan keganasan yang berlaku pada perhimpunan itu dan kerajaan juga tidak boleh membiarkan beliau terlepas daripada tindakan undang-undang.

"Saya mahu Ambiga dan pemimpin pembangkang yang terang-terang menyokong perhimpunan itu dihukum kerana sebagai penganjur mereka perlu bertanggungjawab untuk mengawal peserta.

"Perkara seperti ini tidak boleh dibiarkan lagi kerana jika mereka dilepaskan tanpa sebarang tindakan, majoriti rakyat yang cintakan keamanan akan rasa tidak puas hati dengan cara kerajaan menangani isu keganasan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Abdullah Zaik, kerajaan perlu tegas dalam menangani isu seperti itu lebih-lebih lagi dalam perhimpunan ganas Bersih lalu.

"Kerajaan perlu tunjukkan ketegasan mereka menjaga kepentingan majoriti rakyat bukannya membiarkan sekumpulan kecil manusia yang tidak bertamadun bebas merosakkan negara.

"Ketegasan yang ditunjukkan itu harus menjadi pengajaran kepada mereka untuk tidak lagi bertindak ganas pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Respa), Mohd. Jamil Mohd. Hassan pula mahu Ambiga, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Presiden, Parti Keadilan Rakyat (PKR) Azmin Ali bertanggungjawab di atas keganasan yang berlaku sepanjang perhimpunan tersebut.

"Sebelum ini, penganjur memberi jaminan perhimpunan itu secara aman tetapi sebaliknya, mereka dengan sengaja mengarahkan peserta merempuh masuk ke dalam kawasan Dataran Merdeka bagi mewujudkan keadaan huru-hara," katanya.

Dalam pada itu, Pengasas Pertubuhan Kebangsaan Warisan Ketuanan Melayu Malaysia (Pewaris Malaysia), Datuk Seri Jaafar Shaari mendesak agar penganjur perhimpunan itu dikenakan tindakan supaya golongan itu lebih memahami kehendak majoriti rakyat Malaysia berbanding hasrat dan cita-cita mereka.

"Amat wajar penganjur ditangkap kerana mereka menganjurkan perhimpunan yang banyak merosakkan imej negara, menjejaskan perniagaan dan menakutkan rakyat," katanya.

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0504&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_10.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0504&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_10.htm)